

26/10/2003

'Relakan ayah saya bersara'

Hafizah Iszahanid

MENJELANG 31 Oktober ini, hanya satu yang dipinta Datuk Paduka Marina Mahathir, anak sulung Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad kepada seluruh

rakyat Malaysia: "Relakan persaraan ayah saya."

Ada ketikanya Marina begitu kasihan melihat ayahnya yang mahu terus bekerja walaupun sudah mencecah usia lanjut. "Kalau orang lain boleh bersara pada pertengahan usia 50-an, tapi daddy nak masuk 80 baru boleh bersara. Selalu juga apabila saya pergi membeli-belah, ada yang datang kepada saya berkirim salam kepada daddy dan minta sampaikan kepada daddy janganlah bersara. Ada yang siap buat sembahyang hajat minta daddy jangan bersara.

"Tak bolehlah begitu... dia juga memerlukan ruang untuk beramal ibadat dengan tenang, meluangkan masa dengan anak cucu," kata Marina sambil bersyukur ayahnya bersara pada bulan Ramadan.

Kata Marina, persaraan Dr Mahathir harus diterima dengan hati terbuka. Apatah lagi penggantinya bukan seseorang yang terlalu asing kepada warga Malaysia.

"Berilah dia peluang. Kita mesti cuba yang baru. Selama 22 tahun dia tidak ada masa untuk diri sendiri. Hidupnya berjadual. Tiada pilihan... tapi saya percaya lepas dia bersara pun dia akan sibuk juga cuma bezanya dia ada pilihan ....," katanya.

Mengimbas kembali detik awal Dr Mahathir dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat, Marina berkata, ketika itu dia sudah bekerja. Sebelum itu dia menuntut di luar negara untuk beberapa tahun, justeru kesibukan tugas Dr Mahathir tidak begitu dirasainya.

"Tetapi saya tidak sangka pula, kami akan meminjamkan daddy kepada Malaysia sehingga 22 tahun," katanya.

Begitupun dalam kesibukan tugas, Dr Mahathir disifatkannya sebagai insan

yang penyayang. Jika berkesempatan, beliau dan Dr Siti Hasmah gemar menghabiskan masa dengan anak-anak dan cucu meraikan sambutan hari jadi atau ulang tahun perkahwinan, selain meluangkan masa bercuti bersama.

"Begitupun, seingat saya ayah amat tegas terutama dalam hal sekolah dan disiplin, yang itu tiada kompromi. Apapun cita-cita awak, perkara utama habiskan sekolah dulu baru nak buat apa. Asasnya mesti ada pendidikan. Tapi daddy tidak menetapkan anak-anak harus jadi apa, ikut pilihan sendiri

walaupun dia suka jika ada antara anaknya yang jadi doktor," katanya.

Meskipun adakalanya Dr Mahathir bersikap sinis, tetapi beliau sebenarnya

seorang yang berfikiran terbuka. Kata Marina, daddy tidak pernah menolak jika anak-anaknya memiliki pendapat yang berlainan dengannya. Asalkan setiap pendapat itu ada fakta yang logik dan masuk akal.

"Begitu juga dengan apa yang kita buat. Misalnya, ada juga pendapat saya

atau tulisan saya yang dikritik. Tapi kepadanya tidak salah ada pendapat

sendiri dalam berbuat sesuatu asalkan ada asas yang bagus dan mempertahankan pendapat itu. Pendapat yang baik datang daripada niat yang baik," katanya.

Mengimbas ketika bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tersingkir daripada Kabinet, Marina berkata sebagai anak, hatinya cukup tersentuh mendengar pelbagai tuduhan liar dan tidak berasas terutama daripada pihak pembangkang dilemparkan kepada Dr Mahathir.

"Sebagai anak mesti saya terasa kerana orang yang dicaci itu ayah saya, kalau terjadi kepada sesiapa pun dia mesti terasa. Tapi, pada saya tidak semua orang tahu maklumat sepenuhnya berbanding beliau. Kita semua hanya tahu melalui laporan media. Tapi saya sampaikan juga respon orang keliling mengenai isu itu kepadanya, tapi terpulanglah kepada daddy untuk membuat keputusan," katanya.

Sebagai anak, Marina tidak menafikan apabila berada dalam kesusahan dan berhadapan dengan masalah, daddy dan mummy adalah orang yang paling dekat dengannya.

Begitupun, semua adik beradiknya sudah diajar berdikari. Setiap satu masalah ditangani sendiri melainkan benar-benar tidak menemui jalan keluar.

"Tapi disebabkan daddy seorang yang sangat sibuk, kami lebih suka bercakap dengan mummy. Apa yang kami nak sampaikan kepada daddy pun kami akan melalui mummy," katanya.

Menjelang Ramadan minggu depan, Marina berkata, tahun ini mungkin tahun yang paling meriah untuknya sekeluarga kerana Dr Mahathir tidak lagi terikat dengan tugas rasmi sebagai Perdana Menteri.

Sejak 22 tahun lalu katanya, walaupun mereka anak beranak tetapi peluang bertemu itu amat terhad. Biasanya Ramadan dan Aidilfitri masa yang paling ditunggu kerana mereka sekeluarga akan cuba sedaya upaya berkumpul di rumah ibu bapa.

"Kakitangan di pejabat daddy sudah tahu, biasanya Ramadan pertama dan terakhir khas untuk berbuka bersama dengan ahli keluarga. Biasanya kami berkumpul malam menjelang raya, terutama sejak daddy pindah ke Putrajaya sebab nak elak kesesakan jalan raya.

Malam itulah peluang bersama bermaaf-maafan sesama ahli keluarga. Esok sudah sibuk dengan tetamu. Selepas itu barulah kami berhari raya di kampung suami atau isteri masing-masing atau di kampung daddy," katanya.